

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Wednesday, November 21, 2018 4:22 PM
To: UUM - All Staff
Subject: Lawatan Rasmi NCRC ke Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS)



**Pusat Penyelidikan
Koridor Utara**

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

RABU, 21 NOVEMBER 2018 | 13 RABIULAWWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan



Lawatan rasmi NCRC ke Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS)

Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS) yang beroperasi di tingkat 48, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) pada 7 November 2018 yang lalu. PEGIS yang ditubuhkan pada tahun 1992 merupakan agensi kerajaan negeri GIS yang pertama di Malaysia. PEGIS bermula sebagai projek perintis selama dua tahun, dan diwujudkan untuk menangani isu-isu yang timbul tentang isu tanah, pembangunan tanah yang pesat, dan peningkatan permintaan terhadap data berkaitan tanah dari sektor awam dan swasta.

Sehubungan dengan itu, lawatan ini adalah bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pengurusan GIS dan aplikasi GIS yang digunakan serta menjalin hubungan kerjasama dan memperoleh khidmat nasihat daripada pihak PEGIS. Perkongsian maklumat dan taklimat daripada wakil PEGIS tersebut disampaikan oleh Encik Azhar bin Ibrahim yang merupakan Penolong Setiausaha GIS 1. Menggunakan slogan “*data is king, talent is everything*” PEGIS telah berjaya menjadi antara agensi kerajaan yang terpenting dalam menyediakan perkhidmatan maklumat spatial di Malaysia. PEGIS memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang melalui perkhidmatan laman sesawang (website) yang menggunakan aplikasi GIS. Justeru itu, penggunaan GIS perlu diperluas kerana aplikasi ini mampu menyelesaikan masalah berkaitan ruangan dan membantu dalam proses pembuatan keputusan. Turut hadir sama dalam sesi lawatan ini adalah Pengarah NCRC, Prof. Dr. Rohana Yusof, Timbalan Pengarah, Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah, Felo Penyelidik GIS, Prof. Dr. Ravindra Nath Vyas dan staf-staf NCRC.

Sekian.

=====

DARIPADA :

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6555/6559/6560

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.